



NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF TERENGGANU DARUL IMAN GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

**Jil. 55**

**5hb Disember 2002**

**No. 25**

---

---

AKTA EKSAIS TAHUN 1976  
(P.U. (A) 155)

EXCISE ACT 1976  
(P.U. (A) 155)

**No. 680.**

(Seksyen 85 Akta Eksais 1976)

PERATURAN-PERATURAN EKSAIS (LEMBAGA PELESEN) 1977  
MESYUARAT LEMBAGA PELESEN

(Section 85 Act 1976)

EXCISE (LICENSING BOARD) REGULATIONS 1977  
LICENSING BOARD MEETING

Adalah dengan ini diberitahu iaitu Lembaga Pelesen Negeri Terengganu yang ditubuhkan di bawah Akta Eksais Tahun 1976 akan mengadakan persidangannya di Pejabat Setiausaha Kerajaan, Kuala Terengganu pada 15 Disember 2002 jam 2.30 petang apabila permohonan-permohonan bagi membaharui, menukar, mendapatkan lesen-lesen baru dan mengubah tempat-tempat menjual bagi tahun 2003 akan dipertimbangkan.

2. Semua permohonan hendaklah dibuat dalam empat (4) salinan di atas borang yang ditetapkan dan mestilah diangkat kepada Pengerusi Lembaga ini di Pejabat Setiausaha Kerajaan, Kuala Terengganu tidak lewat daripada empat (4) minggu sebelum tarikh lesen itu tamat. Permohonan bagi lesen-lesen baru mestilah dikembarkan bersama salinan Surat Akuan Pendaftaran Perniagaan. Tiap-tiap permohonan lesen bagi kedai yang tiada lesen dahulunya hendaklah dengan

belanjanya sendiri mengiklankan permohonannya dengan ditampalkan satu salinannya di kedai tempat dikehendaki lesen itu dalam tempoh sekurang-kurangnya dua (2) minggu sebelum daripada tarikh persidangan itu.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN,  
TERENGGANU,  
KUALA TERENGGANU.

Bertarikh 19 November 2002.  
[SUK. TR. 540/7 Bhg. 15 – (13).]

HAJI MOKHTAR BIN NONG,  
Pengerusi,  
Lembaga Pelesen (Eksais),  
Terengganu

Notice is hereby given that the Terengganu Licensing Board constituted under the Excise Act 1976 will hold its session at the State Secretariat, Kuala Terengganu on the 15 December 2002 at 2.30 p.m. when applications for renewals, transfer, new licences and change of premises for year 2003 will be considered.

2. All application in quadruplicate on the prescribed form must be lodged with the Chairman of Board at the State Secretariat, Kuala Terengganu not later than four (4) weeks before the date of expiry of such licence. Applications for new licences must be sent together with certified copies of Businesses Registration Certificates. Every application for licences in respect of premises not previously licensed shall, at his own expense, advertise his application by posting a copy thereof on the premises to be licensed for a period of not less than two (2) weeks before the date of the meeting.

STATE SECRETARIAT,  
TERENGGANU,  
KUALA TERENGGANU.

Dated 19 November 2002.  
[SUK. TR. 540/7 Bhg. 15 – (13).]

HAJI MOKHTAR BIN NONG,  
Chairman,  
Licensing Board (Excise),  
Terengganu

AKTA TANAH (KAWASAN PENEMPATAN BERKELOMPOK), 1960  
(Akta 530)

LAND (GROUP SETTLEMENT AREAS) ACT, 1960  
(Act 530)

**No. 681.**

PERISYTIHARAN KAWASAN-KAWASAN PENEMPATAN BERKELOMPOK  
DI BAWAH SEKSYEN 4

DECLARATION OF GROUP SETTLEMENT AREAS  
UNDER SECTION 4

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 4 Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok), 1960, Pihak Berkuasa Negeri Terengganu Darul Iman dengan ini mengisytiharkan kawasan yang dinyatakan dalam Jadual di bawah ini dan dipetakan dengan warna kelabu dalam pelan PW. 693 iaitu pelan yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Terengganu menjadi satu Kawasan Penempatan Berkelompok yang dikenali sebagai Kawasan Rancangan Tanah Pinggir Hulu Jabor Tambahan bagi maksud Akta tersebut.

In exercise of the powers conferred by Section 4 of the Land (Group Settlement Areas) Act, 1960, the State Authority of Terengganu Darul Iman hereby declares the described area in the Schedule hereto and delineated coloured grey in plan PW. 693 the plan which is deposited in the office of the Director of Survey and Mapping, Terengganu to be a Group Settlement Areas which is to be known as Kawasan Rancangan Tanah Pinggir Hulu Jabor Tambahan for the purpose of the said Act.

## JADUAL/SCHEDULE

Daerah/District—Kemaman. Mukim—Hulu Jabor. Nama Rancangan/Name of Scheme—Kawasan Rancangan Tanah Pinggir Hulu Jabor Tambahan. Anggaran Keluasan/Approximate Area—17.691 hektar/hectares.

Bertarikh 11 November 2002.

WAN MOHD. RUBI BIN WAN JUSOH,

Dated 11 November 2002.

Setiausaha,

[SUK. TR. 1130/8/4 Bhg. 4;

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,

PTG. TR. 00/42/2001/A/002;

Terengganu/

PUN. TR. 70 SJ. 3 BHG. 4.]

Clerk of Council,

Terengganu

## KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 Tahun 1965)

**No. 682.**

(Seksyen 168)

NOTIS-NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG  
BAHARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Akuan diikrarkan hilang oleh Daud bin Ahmad K/P. 260903-11-5003 yang beralamat di Kampung Tanjong Putat, 21700 Kuala Berang, Hulu Terengganu.

## JADUAL

Bandar/Pekan/Mukim—Kuala Berang. No. Lot—505. Jenis dan No. Hakmilik—KRM. 398 (GM. 5749). Luas—1.7907 hektar.

Bertarikh 8 Mei 2001.

MOHD. RAZIF BIN ABDUL MAJID,

[PTHT. 05/55/2001/A/005.]

b.p. Pentadbir Tanah,

Hulu Terengganu

**No. 683.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu permohonan yang dibuat oleh Melah binti Muhamad K/P. 421211-03-5082 (2903008) yang beralamat di No. 12-A, Lorong 3, Kampung Paya Kemudi, Kumpal, 23000 Dungun kerana menggantikan hakmilik asal yang telah diikrarkan hilang.

## JADUAL

Mukim—Kumpal. No. PT.—1718. Jenis dan No. Hakmilik—HS(M). 1010.  
Luas—0.4954 hektar.

Bertarikh 11 November 2002.  
[PTD. 08/55/2002/C001.]

WAN KHALID BIN WAN JUSOH,  
b.p. Pentadbir Tanah,  
Dungun

**No. 684.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu permohonan yang dibuat oleh Jusoh bin Salleh K/P. 470917–11–5157 yang beralamat di No. 952–5, Jalan Pengkalan Binjai, Batu 5, 24000 Binjai, Kemaman telah membuat permohonan bahawa hakmilik telah hilang.

## JADUAL

Mukim—Telok Kalong. No. Lot—336. Jenis dan No. Hakmilik—GM. 2047.  
Luas—1869.6475 meter persegi.

Bertarikh 10 November 2002.  
[PTK. 00/50/2002/B/0001/(66A).]

ZAWAWI BIN ABD. RAHMAN,  
b.p. Pentadbir Tanah,  
Kemaman

**No. 685.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu permohonan yang dibuat oleh Mohd. Bukhori bin Mukhtar K/P. 710313–11–5009 yang beralamat di No. 1727, Kampung Gong Pauh, Cukai, 24000 Kemaman telah membuat permohonan bahawa hakmilik telah hilang.

## JADUAL

Mukim—Binjai. No. Lot—384. Jenis dan No. Hakmilik—GM. 1578.  
Luas—1.6187 hektar.

Bertarikh 14 November 2002.  
[PTK. 00/50/2002/B/0001/(69).]

ZAWAWI BIN ABD. RAHMAN,  
b.p. Pentadbir Tanah,  
Kemaman

**No. 686.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Permohonan daripada Che Razali bin Ibrahim K/P. 600830–03–5595 – 1/2 bhg. dan Ismail bin Ibrahim K/P. 4375138 – 1/2 bhg. yang beralamat di Kampung Badak, Repek, 16300 Bachok, Kelantan untuk mendapatkan satu (1) keterangan hakmilik sambungan kepada hakmilik keluaran sebagaimana dinyatakan dalam Jadual di bawah yang diikrarkan hilang.

## JADUAL

Bandar/Pekan/Mukim—Hulu Nerus. No. Lot/Petak/PT.—9280. Jenis dan No. Hakmilik—GM. 1990. Luas—3.969 hektar.

Bertarikh 7 November 2002.  
[PTS. 00/55/2002/B001 (98).]

AHMAD AZIZI BIN ZULKIFLI,  
b.p. Pentadbir Tanah,  
Setiu

**No. 687.**

(Seksyen 187B)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN DOKUMEN  
HAKMILIK KELUARAN SEMENTARA YANG BARU

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 187B, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran sementara bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Permohonan daripada Ruhani binti Ab. Razak K/P. 521019-03-5216 yang beralamat di No. 19, Kampung Payong, Langkap, 21500 Setiu, Terengganu untuk mendapatkan hakmilik sambungan kepada hakmilik keluaran sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual di bawah yang telah diikrarkan hilang.

## JADUAL

Bandar/Pekan/Mukim—Hulu Nerus. No. PT.—1259 H. Perihal dan No. Hakmilik—HS(M). 1043. Luas—2.8490 hektar.

Bertarikh 6 November 2002.  
[PTS. 00/55/2002/B001 (96).]

AHMAD AZIZI BIN ZULKIFLI,  
b.p. Pentadbir Tanah,  
Setiu

**No. 688.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 187B, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran sementara bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Permohonan daripada Abdul Rahman bin Ibrahim K/P. 290422-11-5077 yang beralamat di No. 551 (325), Jalan Panji Alam, 21100 Kuala Terengganu, Terengganu untuk mendapatkan hakmilik sambungan kepada hakmilik keluaran sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual di bawah yang telah diikrarkan hilang.

## JADUAL

Bandar/Pekan/Mukim—Guntung. No. PT.—2639. Perihal dan No. Hakmilik—HS(M). 1050. Luas—2.4281 hektar.

Bertarikh 11 November 2002.  
[PTS. 00/55/2002/B001 (100).]

AHMAD AZIZI BIN ZULKIFLI,  
b.p. Pentadbir Tanah,  
Setiu

**No. 689.**

SAMAN

(Seksyen 261 (1) (c))

Di Pejabat Tanah, Marang dalam Negeri Terengganu Darul Iman.

DI ANTARA

Affin Bank Berhad, Pemegang Gadaian.

DAN

Puan Timah binti Taib K/P. 1122235, Peggadai.

Kepada Puan Timah binti Taib K/P. 1122235 yang beralamat di No. D-831, Kampung Pulau Rusa, 20050 Kuala Terengganu.

AMBIL PERHATIAN BAHAWASANYA pemegang gadaian ke atas tanah yang tersebut dalam Jadual yang dilampirkan bersama-sama ini telah membuat permohonan di bawah Seksyen 260 (2) Kanun Tanah Negara supaya PERINTAH JUALAN DIKELUARKAN ke atas tanah tersebut.

SILA AMBIL PERHATIAN bahawa siasatan berhubung dengan permohonan pemegang gadaian akan diadakan pada 10 Februari 2003 pukul 10.00 pagi di Pejabat Tanah, Marang.

DAN SILA AMBIL PERHATIAN bahawa kegagalan tuan/puan menghadiri siasatan tersebut akan menyebabkan PERINTAH JUALAN DIKELUARKAN ke atas tanah tersebut di bawah Seksyen 260 (2) Kanun Tanah Negara 1965.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Merchang. No. Lot—143. Jenis dan No. Hakmilik—GM. 2197 (Asal KRM. 259). Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 464/84; Folio 62; Jilid 18.

Bertarikh 25 November 2002.  
[PTM. 04/75/2002/0006.]

MAHARI BIN ZAKARIA,  
b.p. Pentadbir Tanah,  
Marang

**No. 690.**

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Adnan bin Abdullah, Pentadbir Tanah Hulu Terengganu pada menjalankan kuasa yang diberi di bawah Seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara dengan ini membuat perintah supaya dijual secara lelong Tanah/Bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut sebagaimana Jadual;

Dan selanjutnya saya membuat perintah—

- (a) bahawa jualan ini hendaklah dengan secara jualan lelongan awam yang akan diadakan pada 31 Disember 2002 jam 10.00 pagi bertempat di Ruang Legar, Tingkat Bawah, Pejabat Tanah, Hulu Terengganu.

(b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah:

(i) GM. 1895 Lot 987 = RM37,000.00 (Tiga puluh tujuh ribu sahaja).

(ii) GM. 723 Lot 1084 = RM30,000.00 (Tiga puluh ribu sahaja).

(iii) GM. 582 Lot 2587 = RM35,000.00 (Tiga puluh lima ribu sahaja).

2. Saya dapati amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM156,608.61 (Nama pemegang gadaian Malayan Banking Berhad).

3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

(a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1 (b) di atas:

(i) GM. 1985 Lot 987 = RM3,700.00 (Tiga ribu tujuh ratus sahaja).

(ii) GM. 723 Lot 1084 = RM3,000.00 (Tiga ribu sahaja).

(iii) GM. 582 Lot 2587 = RM3,500.00 (Tiga ribu lima ratus sahaja).

(b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;

(c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar berjaya—

(i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan

(ii) sebelum baki harga belian diselesaikan jumlah yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;

(d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari daripada tarikh jualan, iaitu tidak lewat dari 1 Mei 2003 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan

(e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah Seksyen 267.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/ Pekan/ Mukim (1)	No. Lot/ Petak/PT. (2)	Jenis dan No. Hakmilik (3)	Bahagian Tanah (jika ada) (4)	No. Berdaftar Gadaian (jika ada) (5)
Tersat	987	GM. 1895	Sama	No. Perseharan 495/1997; Folio 67; Jilid 1
Tersat	1084	GM. 723	Sama	No. Perseharan 495/1997; Folio 67; Jilid 1
Kuala Telemong	2587	GM. 582	Sama	No. Perseharan 1054/1997; Folio 48; Jilid 2.

Bertarikh 14 Januari 2002.  
[PTHT. 09/53/1998/0012.]

ADNAN BIN ABDULLAH,  
b.p. Pentadbir Tanah,  
Hulu Terengganu

**No. 691.**

## PERISYTIHARAN JUALAN

PERINTAH-PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Dalam perkara Seksyen 263, Kanun Tanah Negara 1965.

Di antara

Malayan Banking Berhad (The Pacific Bank Berhad), Pemegang Gadaian.

Dan

Wan Jalil bin Wan Musa K/P. 640805-11-5151 (7425989), Penggadai.

Menurut perintah Pentadbir Tanah, Hulu Terengganu yang diperbuat pada 14 Januari 2002 adalah dengan ini diisytiharkan bahawa Pentadbir Tanah, Hulu Terengganu.

Akan menjual secara lelongan awam pada 31 Disember 2002 jam 10.00 pagi di Pejabat Tanah, Hulu Terengganu.

Nota: Bakal-bakal pembeli adalah dinasihatkan agar membuat pencarian geran secara rasmi di Pejabat Tanah dan memeriksa hartanah tersebut.

## Butir-butir Hakmilik:

No. Hakmilik	:	GM. 1895.
No. Lot	:	987.
Cukai Tahunan	:	RM31.00.
Keluasan Tanah	:	3.044 hektar.
Mukim	:	Tersat.
Tempat	:	Bukit Beruang.
Pegangan	:	Tanah Orang Melayu.
Kategori Kegunaan Tanah	:	Pertanian.
Pemilik Berdaftar	:	Wan Jalil bin Wan Musa K/P. 640805-11-5151 (7425989).



Syarat Nyata:

Dibenarkan untuk dusun buah-buahan sahaja.

Syarat Khas:

Tanah ini tidak dibenarkan bertanam getah atau kelapa sawit.

Sekatan Kepentingan:

Tiada.

Bebanan:

No. Perserahan 495/1997, Folio 67 dan Jilid 1.

Lokasi dan Perihal Hartanah:

Tanah ini terletak di Kawasan Bukit Beruang, Kampung Pelandan, Tersat, 54 km daripada Kuala Terengganu/Sekayu dan 21 km daripada Pekan Kuala Berang.

Harga Rizab:

RM37,000.00.

Butir-butir Hakmilik:

No. Hakmilik	:	GM. 723.
No. Lot	:	1084.
Cukai Tahunan	:	RM25.00.
Keluasan Tanah	:	2.4582 hektar.
Mukim	:	Tersat.
Tempat	:	Daerah Kampung Pelandan.
Pegangan	:	Tanah Orang Melayu.
Kategori Kegunaan Tanah	:	Tiada.
Pemilik Berdaftar	:	Wan Jalil bin Wan Musa K/P. 640805-11-5151 (7425989).

Syarat Nyata:

Dibenarkan untuk dusun buah-buahan sahaja.

Syarat Khas:

Tanah ini tidak dibenarkan bertanam getah atau kelapa sawit.

Sekatan Kepentingan:

Tiada.

Bebanan:

No. Perserahan 495/1997, Folio 67 dan Jilid 1.

Lokasi dan Perihal Hartanah:

Tanah ini terletak di Kampung Pelandan 54 km daripada Kuala Terengganu/Sekayu dan 21 km daripada Pekan Kuala Berang.

Harga Rizab:

RM30,000.00.

## Butir-butir Hakmilik:

No. Hakmilik	:	GM. 582.
No. Lot	:	2587.
Cukai Tahunan	:	RM9.00.
Keluasan Tanah	:	0.8834 hektar.
Mukim	:	Kuala Telemong.
Tempat	:	Bukit Temalang.
Pegangan	:	Tanah Orang Melayu.
Kategori Kegunaan Tanah	:	—
Pemilik Berdaftar	:	Wan Jalil bin Wan Musa K/P. 640805-11-5151 (7425989).

## Syarat Nyata:

Tanah ini digunakan semata-mata bagi buahan.

## Syarat Khas:

Tanah ini tidak dibenarkan bertanam atau dibiarkan tumbuh pokok-pokok getah di atas tanah yang dibenarkan ini.

## Sekatan Kepentingan:

Tiada.

## Bebanan:

No. Penerimaan 1054/1997, Folio 48 dan Jilid 2.

## Lokasi dan Perihal Hartanah:

Tanah ini terletak 13.2 km daripada jalan Pengadang Baru/Pasir Tinggi dan 25 km daripada Kuala Terengganu dan berhampiran dengan Kampung Pasir Tinggi lebih kurang 3.5 km.

## Harga Rizab:

RM35,000.00.

Bertarikh 14 Januari 2002.  
[PTHT. 09/53/1998/0002.]

ADNAN BIN ABDULLAH,  
b.p. Pentadbir Tanah,  
Hulu Terengganu

**No. 692.**

Dalam perkara Seksyen 263, Kanun Tanah Negara 1965.

Di antara

Alliance Bank Malaysia Berhad (Multi Purpose Bank Berhad), Pemegang Gadaian.

Dan

Ng Kin Khoo K/P. 580627-11-5199 (5397196), Penggada.

Menurut perintah Pentadbir Tanah, Hulu Terengganu yang diperbuat pada 23 Julai 2002 adalah dengan ini diisytiharkan bahawa Pentadbir Tanah, Hulu Terengganu.

Akan menjual secara lelongan awam pada 6 Januari 2003 jam 10.00 pagi di Pejabat Tanah, Hulu Terengganu.

Nota: Bakal-bakal pembeli adalah dinasihatkan agar membuat pencarian geran secara rasmi di Pejabat Tanah dan memeriksa hartanah tersebut.

**Butir-butir Hakmilik:**

No. Hakmilik	:	GM. 2414.
No. Lot	:	5804.
Cukai Tahunan	:	RM10.00.
Keluasan Tanah	:	497 meter persegi.
Mukim	:	Kuala Berang.
Tempat	:	Sungai Petai.
Pegangan	:	—
Kategori Kegunaan Tanah	:	Bangunan.
Pemilik Berdaftar	:	Ng Kin Khoon K/P. 5397196.

**Syarat Nyata:**

Tanah ini hendaklah digunakan semata-mata bagi tapak rumah kediaman sahaja.

**Sekatan Kepentingan:**

Tiada.

**Bebanan:**

No. Perserahan 858/1996; Folio 20; Jilid 2.

**Lokasi dan Perihal Hartanah:**

Tanah ini terletak di Kampung Sungai Petai 39.9 km dari Kuala Terengganu/ Kuala Berang 350 – 500 m dari Sekolah Kebangsaan Kuala Berang dan Balai Polis Kuala Berang. 1 km daripada Pekan Kuala Berang.

**Harga Rizab:**

RM36,000.00.

**SYARAT-SYARAT LELONG**

1. Jualan lelong ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti di bawah:
  - (a) Bakal penyambut lelong hendaklah mendeposit di Pejabat Tanah, Hulu Terengganu dalam bentuk wang tunai sejumlah wang bersamaan 10% daripada harga rizab iaitu sebanyak RM3,600.00.
  - (b) Bayaran penuh jualan lelong dibayar serta-merta selepas jatuhnya ketukan tukul menentukan penyambut lelong yang berjaya.

- (c) Di mana penyambut lelong tidak dapat membayar sepenuhnya selepas jatuhnya ketukan tukul menentukan penyambut berjaya maka—
- (i) Jumlah bayaran yang diterima di para (a) akan dibayar kepada pemegang gadaian dan disimpan sebagai deposit hingga bayaran penuh pembelian itu dibayar.
  - (ii) Sementara menunggu penyelesaian baki harga belian, bayaran yang telah dibayar di para (i) di atas, akan dikreditkan ke dalam akaun penggadai bagi mengurangkan bayaran hutang yang patut dibayar oleh penggadai kepada pemegang gadaian
- (d) Baki harga lelong hendaklah dibayar penuh tidak lebih daripada 120 hari dari tarikh jualan itu, iaitu tidak lewat dari 7 Mei 2003 dan tiada masa lanjutan dibenarkan.
- (e) Di mana bayaran penuh tidak dijelaskan pada tarikh yang dinyatakan di para (d), wang dibayar sebagai bayaran deposit di para (a) kepada pemegang gadai akan dirampas dan diagihkan mengikut tatacara Seksyen 267 Kanun Tanah Negara.

Bertarikh 18 November 2002.  
[PTHT. 05/53/1999/0003.]

ADNAN BIN ABDULLAH,  
b.p. Pentadbir Tanah,  
Hulu Terengganu

**No. 693.**

Dalam perkara Seksyen 263, Kanun Tanah Negara 1965.

Di antara

Alliance Bank Malaysia Berhad (Multi Purpose Bank Berhad), Pemegang Gadaian.

Dan

Tenhing Trading Sdn. Bhd. (No. 154940-T), Penggadai.

Menurut perintah Pentadbir Tanah, Hulu Terengganu yang diperbuat pada 8 Januari 2002 adalah dengan ini diisytiharkan bahawa Pentadbir Tanah, Hulu Terengganu.

Akan menjual secara lelongan awam pada 6 Januari 2003 jam 10.00 pagi di Pejabat Tanah, Hulu Terengganu.

Nota: Bakal-bakal pembeli adalah dinasihatkan agar membuat pencarian geran secara rasmi di Pejabat Tanah dan memeriksa hartanah tersebut.

Butir-butir Hakmilik:

No. Hakmilik	:	GM. 2409 dan GM. 2410.
No. Lot	:	5799 dan 5800.
Cukai Tahunan	:	RM10.00.
Keluasan Tanah	:	392 meter persegi dan 390 meter persegi.
Mukim	:	Kuala Berang.
Tempat	:	Sungai Petai.
Pegangan	:	—
Kategori Kegunaan Tanah	:	Bangunan.
Pemilik Berdaftar	:	Tenhing Trading Sdn. Bhd.

Syarat Nyata:

Tanah ini hendaklah digunakan semata-mata bagi tapak rumah kediaman sahaja.

Sekatan Kepentingan:

Tiada.

Bebanan:

No. Perserahan 859/1996; Folio 21; Jilid 2.

Lokasi dan Perihal Hartanah:

Tanah ini terletak di Kampung Sungai Petai 39.9 km dari Kuala Terengganu/ Kuala Berang 350 – 500 m dari Sekolah Kebangsaan Kuala Berang dan Balai Polis Kuala Berang. 1 km daripada Pekan Kuala Berang.

Harga Rizab:

GM. 2409 Lot 5799 – RM27,900.00 dan GM. 2410 Lot 5800 – RM27,900.00.

#### SYARAT-SYARAT LELONG

1. Jualan lelong ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti di bawah:
  - (a) Bakal penyambut lelong hendaklah mendeposit di Pejabat Tanah, Hulu Terengganu dalam bentuk wang tunai sejumlah wang bersamaan 10% daripada harga rizab iaitu sebanyak RM2,790.00.
  - (b) Bayaran penuh jualan lelong dibayar serta-merta selepas jatuhnya ketukan tukul menentukan penyambut lelong yang berjaya.
  - (c) Di mana penyambut lelong tidak dapat membayar sepenuhnya selepas jatuhnya ketukan tukul menentukan penyambut berjaya maka–
    - (i) Jumlah bayaran yang diterima di para (a) akan dibayar kepada pemegang gadaian dan disimpan sebagai deposit hingga bayaran penuh pembelian itu dibayar.
    - (ii) Sementara menunggu penyelesaian baki harga belian, bayaran yang telah dibayar di para (i) di atas, akan dikreditkan ke dalam akaun penggadai bagi mengurangkan bayaran hutang yang patut dibayar oleh penggadai kepada pemegang gadaian
  - (d) Baki harga lelong hendaklah dibayar penuh tidak lebih daripada 120 hari dari tarikh jualan itu, iaitu tidak lewat dari 7 Mei 2003 dan tiada masa lanjutan dibenarkan.
  - (e) Di mana bayaran penuh tidak dijelaskan pada tarikh yang dinyatakan di para (d), wang dibayar sebagai bayaran deposit di para (c) kepada pemegang gadai akan dirampas dan diagihkan mengikut tatacara Seksyen 267 Kanun Tanah Negara.

**No. 694.**

Kali Kedua.

Dalam perkara Seksyen 263, Kanun Tanah Negara 1965.

Di antara

Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Pemegang Gadaian.

Dan

Mohd. Yusoff bin Abdullah K/P. 540426-11-5209 (7613968), Penggadai.

Menurut perintah Pentadbir Tanah, Hulu Terengganu yang diperbuat pada 31 Disember 2001 adalah dengan ini diisytiharkan bahawa Pentadbir Tanah, Hulu Terengganu.

Akan menjual secara lelongan awam pada 6 Januari 2003 jam 10.00 pagi di Pejabat Tanah, Hulu Terengganu.

Nota: Bakal-bakal pembeli adalah dinasihatkan agar membuat pencarian geran secara rasmi di Pejabat Tanah dan memeriksa hartanah tersebut.

**Butir-butir Hakmilik:**

No. Hakmilik	:	GM. 1294.
No. Lot	:	2757.
Cukai Tahunan	:	RM37.00.
Keluasan Tanah	:	3676.9 meter persegi.
Mukim	:	Penghulu Diman.
Tempat	:	Tok Jumbong.
Pegangan	:	Tanah Orang Melayu.
Kategori Kegunaan Tanah	:	Bangunan.
Pemilik Berdaftar	:	Mohd. Yusoff bin Abdullah.

**Syarat Nyata:**

- (i) Tanah yang diluluskan ini hendaklah digunakan semata-mata kerana tapak rumah kediaman.
- (ii) Dalam masa dua (2) tahun daripada tarikh tanah ini dibenarkan hendaklah mendirikan sebuah bangunan rumah kediaman dan menjaga bangunan itu dengan keadaan baik dan memberi puas hati Pegawai Daerah, Hulu Terengganu.
- (iii) Pemohon hendaklah membayar dan menjelaskan cukai-cukai dan segala bayaran-bayaran yang akan dikenakan daripada masa ke semasa daripada tanah itu dibenarkan yang dituntut oleh mana-mana Pihak Berkuasa.

Sekatan Kepentingan:

Tanah yang dibenarkan ini tidak boleh dibuat pindahmilik, digadai atau disewakan kepada mana-mana orang kecuali dengan mendapat kebenaran bertulis daripada Pesuruhjaya Tanah dan Galian Terengganu.

Bebanan:

No. Perserahan 694/1997; Folio 91; Jilid 1.

Lokasi dan Perihal Hartanah:

Tanah ini terletak di 32.9 km jalan Kuala Terengganu/Jerangau. Lebih kurang 4 km daripada Pekan Ajil.

Harga Rizab:

RM18,000.00.

#### SYARAT-SYARAT LELONG

1. Jualan lelong ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti di bawah:
  - (a) Bakal penyambut lelong hendaklah mendeposit di Pejabat Tanah, Hulu Terengganu dalam bentuk wang tunai sejumlah wang bersamaan 10% daripada harga rizab iaitu sebanyak RM1,800.00.
  - (b) Bayaran penuh jualan lelong dibayar serta-merta selepas jatuhnya ketukan tukul menentukan penyambut lelong yang berjaya.
  - (c) Di mana penyambut lelong tidak dapat membayar sepenuhnya selepas jatuhnya ketukan tukul menentukan penyambut berjaya maka—
    - (i) Jumlah bayaran yang diterima di para (a) akan dibayar kepada pemegang gadaian dan disimpan sebagai deposit hingga bayaran penuh pembelian itu dibayar.
    - (ii) Sementara menunggu penyelesaian baki harga belian, bayaran yang telah dibayar di para (i) di atas, akan dikreditkan ke dalam akaun penggadai bagi mengurangkan bayaran hutang yang patut dibayar oleh penggadai kepada pemegang gadaian
  - (d) Baki harga lelong hendaklah dibayar penuh tidak lebih daripada 120 hari dari tarikh jualan itu, iaitu tidak lewat dari 7 Mei 2003 dan tiada masa lanjutan dibenarkan.
  - (e) Di mana bayaran penuh tidak dijelaskan pada tarikh yang dinyatakan di para (d) wang dibayar sebagai bayaran deposit di para (c) kepada pemegang gadai akan dirampas dan diagihkan mengikut tatacara Seksyen 267 Kanun Tanah Negara.

**No. 695.**

(Seksyen 254)

## NOTIS KEMUNGKIRAN MENGENAI SUATU GADAIAN

Kepada Zahri bin Abdul Ghani K/P. 5435461 yang beralamat di No. 119, SS/17/3B, Subang Jaya, 47500 Selangor, penggadai di bawah gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian.

Bahawasanya, kamu telah melakukan suatu pelanggaran terhadap peruntukan-peruntukan gadaian ini dengan meletak jawatan pada 9 Julai 1993. Dan kamu telah gagal menjelaskan kesemua baki hutang kamu berjumlah RM132,970.19 iaitu baki sehingga bulan Julai 2002 berserta faedah yang terakru.

Dan bahawasanya pelanggaran itu telah berterusan selama tempoh sekurang-kurangnya satu bulan sebelum tarikh notis ini.

Saya sebagai pemegang gadaian, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 254 Kanun Tanah Negara, dengan ini menghendaki kamu supaya memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh satu bulan dari tarikh perisytiharan *warta* ini.

Dan ambil perhatian bahawa, jika kamu ingkar memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh tersebut, saya akan memohon suatu perintah jualan.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Cabang Tiga, Negeri Terengganu. No. Lot—2308. Jenis dan No. Hakmilik—GM. 281. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 1576/89; Folio 18; Jilid 5. Satu (1) hakmilik sahaja.

Bertarikh 13 Mei 2002.  
[PP. 5112/89/1.]

Ketua Penolong Setiausaha,  
Bahagian Pinjaman Perumahan,  
Perbendaharaan Malaysia  
(Pegawai yang ditetapkan oleh  
Menteri Kewangan di bawah  
Seksyen 5 (1) Minister of Finance  
(Incorporation) Ordinance 1957)

**No. 696.**

Kepada Kamal bin Aliasuddin K/P. 751201-11-5013 (A3279539) yang beralamat di No. 445, Kampung Batu 24, Kuala Berang, 21700 Terengganu, penggadai di bawah gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian.



Bahawasanya, kamu telah melakukan suatu pelanggaran terhadap peruntukan-peruntukan gadaian ini dengan gagal/enggan membayar jumlah sebanyak RM70,181.04 untuk pinjaman Overdraf setakat 31 Januari 2002 serta faedah pada kadar 9.9% (iaitu 2.5% + Kadar Pinjaman Asas Plaintiff masa kini 6.4% + 1%) setahun dengan kiraan rehat bulanan mulai dari 1 Februari 2002 sehingga tarikh penyelesaian penuh bagi jumlah seperti yang dituntut oleh penerima gadaian melalui surat peguamcara mereka bertarikh 6 Mei 2002 dan oleh itu telah melanggar Fasal 1 di lampiran gadaian tersebut.

Dan bahawasanya pelanggaran itu telah berterusan bagi tempoh sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum tarikh notis itu disampaikan.

Kami sebagai penerima gadaian dengan kehendak-kehendak kuasa yang diberi oleh Seksyen 254 Kanun Tanah Negara, dengan ini menghendaki kamu dalam tempoh tujuh (7) hari dari penyampaian notis ini supaya memperbetulkan pelanggaran itu.

Dan sila ambil perhatian bahawa jika kamu gagal memperbetulkan pelanggaran tersebut dalam tempoh itu, kami akan memohon suatu perintah jualan.

#### JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim (1)	No. Lot/ Petak/PT. (2)	Jenis dan No. Hakmilik (3)	Bahagian Tanah (jika ada) (4)	No. Berdaftar Gadaian (jika ada) (5)
Tersat	PTG. 653	HS(M). 417	Semua	No. Perserahan 74/2000
Tersat	Lot 1681	GM. 1124	Semua	No. Perserahan 74/2000
Tanggal	Lot 2561	GM. 386	Semua	No. Perserahan 74/2000

Bertarikh 14 Mei 2002.

[AHO(L)/P/EON/MMA/8/02/RAJ/am.]

Tandatangan (atau lain-lain bentuk pelaksanaan) oleh  
Tetuan Anuar Hong & Ong,  
Peguamcara bagi pihak penerima  
gadaian EON Bank Berhad,  
Lot 43, Jalan USJ 10/1G,  
47500 Subang Jaya,  
Selangor Darul Ehsan

Hak Cipta Pencetak (H)  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
CAWANGAN KUALA TERENGGANU  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA